

Persepsi Guru Bahasa Melayu terhadap Kesedaran Metalinguistik Murid Sekolah Rendah

(Perceptions of Malay Language Teachers towards Primary School Students' Metalinguistic Awareness)

¹MUHAMAD SYAZWAN MOHD SHUKRI & ²STEWART MOHAMMAD

¹*Sekolah Kebangsaan Sungai Bagiau, Tatau, Sarawak, Malaysia.*

²*Sekolah Kebangsaan Nanga Metah, Kapit, Sarawak, Malaysia.*

Dihantar: 05 Januari 2026 / Diterima: 30 Mac 2026

Koresponden e-mel: syazwanshukri@gmail.com

ABSTRAK: Kesedaran metalinguistik merujuk kepada keupayaan murid untuk memahami, menganalisis dan merefleksikan bahasa secara sedar, khususnya dalam aspek morfologi dan tatabahasa. Dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah, kesedaran ini penting bagi menyokong perkembangan literasi dan kefahaman bahasa secara bermakna. Kajian ini bertujuan meneliti persepsi guru Bahasa Melayu Tahap 2 terhadap kesedaran metalinguistik murid serta implikasinya terhadap amalan pengajaran di bilik darjah. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual separa berstruktur melibatkan enam orang guru yang dipilih secara pensampelan bertujuan. Data dianalisis menggunakan analisis tematik. Dapatan menunjukkan bahawa guru mentafsir kesedaran metalinguistik terutamanya melalui ketepatan bahasa, pembedaan kesalahan dan penguasaan imbuhan, manakala dimensi reflektif seperti keupayaan murid memberikan justifikasi linguistik kurang diberi penekanan akibat kekangan masa, tuntutan silibus dan tahap murid yang heterogen. Implikasinya, pengajaran cenderung berfokus kepada produk bahasa berbanding proses reflektif. Kajian ini mencadangkan pengintegrasian aktiviti refleksi bahasa secara ringkas tetapi konsisten dalam PdP serta sokongan kurikulum yang lebih jelas terhadap kemahiran justifikasi linguistik bagi memperkukuh kesedaran metalinguistik murid secara sistematik.

Kata kunci: Kesedaran Metalinguistik, Persepsi Guru, Bahasa Melayu, Sekolah Rendah, Linguistik Terapan

ABSTRACT: *Metalinguistic awareness refers to the ability of students to understand, analyze and reflect on language consciously, especially in terms of morphology and grammar. In the context of teaching Malay in primary schools, this awareness is important to support the development of literacy and language comprehension in a meaningful way. This study aims to examine the perceptions of Level 2 Malay teachers on students' metalinguistic awareness and its implications for teaching practices in the classroom. The study uses a qualitative approach through semi-structured interviews involving six teachers who were selected through purposive sampling. The data is analyzed using thematic analysis. The findings show that teachers interpret metalinguistic awareness mainly through language accuracy, error correction and mastery of affixes, while reflective dimensions such as students' ability to provide linguistic justification are given less emphasis due to time constraints, syllabus demands and heterogeneous student levels. The implication is that teaching tends to focus on language products rather than reflective processes. This study suggests the integration of brief but consistent language reflection activities in teaching and learning as well as clearer curriculum support for linguistic justification skills to systematically strengthen students' metalinguistic awareness.*

Keywords: *Metalinguistic Awareness, Teacher Perceptions, Malay Language, Primary School, Applied Linguistics*

PENGENALAN

Dalam bidang linguistik terapan, pembelajaran bahasa tidak hanya melibatkan kebolehan menggunakan bahasa secara tepat, tetapi turut merangkumi keupayaan untuk memahami dan memikirkan bahasa sebagai satu sistem yang mempunyai struktur dan peraturan tertentu. Keupayaan ini dikenali sebagai kesedaran metalinguistik, iaitu kebolehan individu untuk menganalisis, memantau dan mengawal penggunaan bahasa secara sedar (Roehr-Brackin, 2025). Kesedaran metalinguistik membolehkan murid mengenal pasti kesalahan bahasa, memahami sebab sesuatu bentuk bahasa digunakan, serta membuat pembetulan yang bermakna dalam konteks pembelajaran.

Di peringkat sekolah rendah, penguasaan Bahasa Melayu merupakan asas kepada pembentukan literasi murid. Namun demikian, murid sering berhadapan dengan masalah penggunaan imbuhan, pembinaan ayat yang tidak lengkap dan kesukaran memahami teks bacaan. Kajian empirikal menunjukkan bahawa masalah literasi ini bukan sekadar berpunca daripada kekurangan kosa kata atau pendedahan latihan, tetapi berkait rapat dengan tahap kesedaran metalinguistik murid, khususnya dalam aspek morfologi dan tatabahasa (Sun et al., 2020; Liu et al., 2024). Murid yang memiliki kesedaran metalinguistik yang rendah cenderung menggunakan bahasa secara mekanikal tanpa memahami hubungan antara bentuk dan makna.

Kesedaran metalinguistik menjadi semakin penting dalam konteks Bahasa Melayu kerana bahasa ini mempunyai sistem imbuhan yang produktif dan kompleks. Penguasaan imbuhan bukan sekadar memerlukan hafalan bentuk, tetapi juga pemahaman tentang fungsi imbuhan dalam

membentuk makna dan struktur ayat. Tanpa kesedaran metalinguistik, murid mungkin mampu menjawab latihan tatabahasa dengan betul, namun gagal mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam situasi baharu atau menjelaskan sebab penggunaan sesuatu bentuk bahasa (Zheng et al., 2023).

Dalam konteks bilik darjah, guru Bahasa Melayu memainkan peranan utama dalam membentuk kesedaran metalinguistik murid. Persepsi guru terhadap konsep ini akan mempengaruhi pendekatan pengajaran yang digunakan, jenis soalan yang dikemukakan kepada murid serta cara kesalahan bahasa ditangani. Kajian terhadap amalan pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah menunjukkan bahawa kefahaman dan kepercayaan guru terhadap sesuatu pendekatan pedagogi akan menentukan cara pendekatan tersebut diterjemahkan dalam pengajaran sebenar (Nor Hadibah et al., 2020).

Walaupun kesedaran metalinguistik telah dibincangkan secara meluas dalam kajian linguistik dan literasi antarabangsa, perbincangan dalam konteks pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah masih terhad, terutamanya dari sudut persepsi guru. Kajian pasca pandemik turut menunjukkan bahawa kekangan masa, tahap kebolehan murid yang berbeza-beza serta isu motivasi dan tumpuan murid memberi cabaran kepada guru untuk melaksanakan pengajaran yang bersifat reflektif dan mendalam (Amirah et al., 2023). Oleh itu, terdapat keperluan untuk menjalankan satu mini kajian yang meneliti persepsi guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap kesedaran metalinguistik murid sebagai asas kepada penambahbaikan amalan pengajaran bahasa.

PERNYATAAN MASALAH

Dalam pengajaran Bahasa Melayu sekolah rendah, penekanan terhadap tatabahasa dan pembetulan kesalahan bahasa merupakan amalan yang lazim. Namun, pengajaran tersebut sering menumpukan kepada hasil akhir yang betul tanpa memberi ruang kepada murid untuk memahami proses linguistik yang mendasari penggunaan bahasa. Akibatnya, murid mungkin mampu menghasilkan ayat yang betul dalam latihan, tetapi tidak mampu menjelaskan sebab penggunaan sesuatu bentuk bahasa atau memperbaiki kesalahan secara sendiri. Masalah ini menunjukkan bahawa kesedaran metalinguistik murid mungkin tidak dibangunkan secara sistematik dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian pengukuran metalinguistik

menunjukkan bahawa keupayaan untuk membetulkan kesalahan bahasa sahaja tidak mencukupi untuk menunjukkan kesedaran metalinguistik yang sebenar, sekiranya murid tidak mampu memberikan justifikasi linguistik terhadap pembetulan tersebut (Roehr-Brackin, 2025).

Persepsi guru terhadap kesedaran metalinguistik turut mempengaruhi cara konsep ini diterapkan dalam bilik darjah. Sekiranya guru mentafsir kesedaran metalinguistik secara sempit sebagai penguasaan tatabahasa semata-mata, pengajaran yang dilaksanakan cenderung bersifat latih tubi dan mekanikal. Keadaan ini diperkuat oleh dapatan kajian tempatan yang menunjukkan bahawa kekangan masa, tahap murid yang

heterogen dan isu motivasi pasca pandemik membataskan pelaksanaan pengajaran yang menekankan refleksi bahasa (Amirah et al., 2023).

Sehubungan itu, kajian ini melihat keperluan untuk meneliti secara khusus persepsi guru Bahasa

Melayu sekolah rendah terhadap kesedaran metalinguistik murid bagi memahami bagaimana konsep ini difahami dan diterjemahkan dalam amalan pengajaran sebenar.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengetahui kefahaman guru Bahasa Melayu sekolah rendah terhadap konsep kesedaran metalinguistik murid.
2. Meneliti persepsi guru terhadap kepentingan kesedaran metalinguistik dalam pembelajaran Bahasa Melayu.
3. Menjelaskan implikasi persepsi guru terhadap amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.

KONSEP KESEDARAN METALINGUISTIK

Kesedaran metalinguistik ditakrifkan sebagai keupayaan individu untuk memikirkan bahasa secara sedar, termasuk menganalisis struktur linguistik, memantau penggunaan bahasa dan mengawal pemilihan bentuk bahasa mengikut konteks. Kesedaran metalinguistik juga sering dikaitkan dengan “teacher language awareness” yang mempengaruhi cara guru membimbing pelajar memikirkan bahasa secara sedar, sekali gus membentuk keputusan pedagogi dalam bilik darjah (Bryan & Oliver, 2020; Spinks & Colenbrander, 2022). Roehr-Brackin (2025) menegaskan bahawa kesedaran metalinguistik bukan sekadar pengetahuan tentang istilah tatabahasa, tetapi merangkumi dua dimensi utama, iaitu keupayaan analisis pengetahuan linguistik dan keupayaan kawalan penggunaan bahasa.

Dalam konteks kanak-kanak, kesedaran metalinguistik sering dizahirkan melalui keupayaan membetulkan kesalahan bahasa,

mengenal pasti bentuk yang janggal serta memberikan penjelasan terhadap pembedaan tersebut. Namun, Roehr-Brackin (2025) menegaskan bahawa pembedaan semata-mata tidak mencukupi untuk membuktikan kesedaran metalinguistik sekiranya murid tidak mampu memberikan justifikasi linguistik yang munasabah. Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran metalinguistik perlu difahami sebagai satu proses kognitif yang melibatkan refleksi terhadap bahasa, bukan sekadar penguasaan peraturan. Dalam pengajaran bahasa, kesedaran metalinguistik sering dikaitkan dengan keupayaan murid untuk memisahkan makna daripada bentuk dan melihat bahasa sebagai objek yang boleh dianalisis. Keupayaan ini menjadi asas kepada pembelajaran bahasa yang lebih mendalam dan berkesan, terutamanya dalam konteks pendidikan formal di sekolah rendah.

Dimensi Kesedaran Metalinguistik: Fokus kepada Morfologi dan Tatabahasa

Literatur terkini menunjukkan bahawa kesedaran metalinguistik bukan konstruk tunggal, sebaliknya merangkumi beberapa dimensi yang saling berkaitan. Antara dimensi yang paling kerap dikaji ialah kesedaran morfologi dan kesedaran tatabahasa, khususnya dalam hubungan dengan literasi. Kesedaran morfologi merujuk kepada keupayaan memahami struktur perkataan, termasuk imbuhan, kata dasar dan perubahan makna yang terhasil daripada proses pembentukan kata. Meta-analisis oleh Liu et al. (2024) menunjukkan bahawa kesedaran morfologi mempunyai hubungan yang signifikan dan konsisten dengan kefahaman bacaan kanak-kanak. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid yang mampu menganalisis struktur perkataan dengan baik lebih berupaya memahami teks bertulis,

khususnya teks yang mengandungi perkataan kompleks.

Selain menyokong literasi monolingual, kesedaran morfologi turut dilaporkan sebagai faktor penting dalam kemahiran literasi kanak-kanak dalam konteks dwibahasa dan pembelajaran bahasa kedua, khususnya dalam pembinaan makna perkataan kompleks (Fumeroa & Tibi, 2020; Sihui et al., 2021). Dalam kajian lain, Sun et al. (2020) mendapati bahawa sumbangan kesedaran metalinguistik terhadap kefahaman bacaan adalah jelas dalam kalangan murid sekolah rendah, walaupun kekuatan sumbangan tersebut berbeza mengikut dimensi linguistik dan konteks bahasa. Kajian ini menekankan bahawa keupayaan murid memahami bentuk bahasa membantu mereka memproses makna teks dengan lebih berkesan.

Selain morfologi, pengetahuan tatabahasa turut dikenal pasti sebagai komponen penting kesedaran metalinguistik. Meta-analisis oleh Zheng et al. (2023) menunjukkan bahawa pengetahuan tatabahasa mempunyai hubungan yang signifikan dengan kefahaman bacaan. Hal ini menunjukkan bahawa keupayaan memahami struktur ayat dan hubungan sintaksis membantu murid menafsir makna ayat dan wacana dengan lebih tepat.

Kesedaran Metalinguistik dan Literasi Sekolah Rendah

Banyak kajian menunjukkan bahawa kesedaran metalinguistik memainkan peranan penting dalam perkembangan literasi kanak-kanak. Literasi bukan sekadar keupayaan mengenal huruf dan membaca perkataan, tetapi melibatkan keupayaan memahami, mentafsir dan menghasilkan teks yang bermakna. Kajian empirikal mendapati bahawa murid yang memiliki tahap kesedaran metalinguistik yang tinggi lebih berupaya memantau pemahaman mereka semasa membaca dan membetulkan kesalahan dalam penulisan. Liu et al. (2024) menegaskan bahawa kesedaran morfologi membantu murid memahami makna perkataan baharu dan hubungan semantik dalam teks, sekali gus meningkatkan kefahaman bacaan.

Selain itu, kesedaran tatabahasa membantu murid memahami hubungan antara klausa dan ayat,

Dalam konteks Bahasa Melayu, dimensi morfologi dan tatabahasa menjadi sangat relevan kerana bahasa ini mempunyai sistem imbuhan yang produktif dan struktur ayat yang pelbagai. Oleh itu, kesedaran metalinguistik dalam Bahasa Melayu tidak boleh dipisahkan daripada keupayaan murid memahami fungsi imbuhan dan struktur ayat secara reflektif.

yang penting dalam memahami teks yang lebih kompleks. Zheng et al. (2023) menyatakan bahawa pengetahuan tatabahasa membolehkan pembaca mentafsir struktur ayat dengan lebih sistematik, seterusnya menyokong pemahaman keseluruhan teks. Dalam konteks sekolah rendah, kesedaran metalinguistik berfungsi sebagai asas kepada pembelajaran bahasa yang lebih tinggi. Sekiranya kesedaran ini tidak dibina sejak awal, murid mungkin bergantung kepada hafalan dan peniruan tanpa memahami prinsip bahasa yang mendasari penggunaan tersebut. Dalam literatur literasi awal, kesedaran metalinguistik turut dilihat sebagai komponen yang menyokong pemerolehan bahasa dan literasi secara progresif melalui aktiviti bahasa yang berstruktur dan bermakna (Snow & Neuman, 2021).

Persepsi Guru terhadap Kesedaran Metalinguistik

Persepsi guru terhadap kesedaran metalinguistik memainkan peranan penting dalam menentukan sejauh mana konsep ini diberi penekanan dalam pengajaran bahasa. Persepsi guru merangkumi kefahaman konsep, kepercayaan terhadap kepentingannya dan kesediaan untuk mengintegrasikannya dalam pengajaran. Kajian tempatan oleh Nor Hadibah et al. (2020) menunjukkan bahawa amalan pengajaran guru Bahasa Melayu sekolah rendah banyak dipengaruhi oleh kefahaman dan kepercayaan guru terhadap pendekatan pengajaran bahasa yang berkesan. Guru yang memahami kepentingan aspek kognitif dan reflektif dalam pembelajaran bahasa cenderung melaksanakan pengajaran yang lebih bermakna dan berpusatkan murid.

Namun, dalam konteks sebenar bilik darjah, pelbagai kekangan boleh mempengaruhi persepsi dan amalan guru. Kajian oleh Amirah et al. (2023) mendapati bahawa isu motivasi murid, kekangan masa dan beban tugas pasca pandemik memberi cabaran kepada guru untuk melaksanakan pengajaran yang bersifat reflektif dan mendalam. Keadaan ini berpotensi menyebabkan guru memberi tumpuan kepada penyampaian kandungan dan pembetulan kesalahan, berbanding pembangunan kesedaran metalinguistik. Hal ini menunjukkan bahawa persepsi guru terhadap kesedaran metalinguistik bukan sahaja dipengaruhi oleh pengetahuan teori, tetapi juga oleh konteks pengajaran dan realiti bilik darjah.

Jurang Kajian

Berdasarkan sorotan literatur, dapat dirumuskan bahawa kesedaran metalinguistik telah terbukti mempunyai hubungan yang signifikan dengan literasi kanak-kanak, khususnya dalam aspek morfologi dan tatabahasa. Namun, kebanyakan

kajian terdahulu menumpukan kepada hubungan antara kesedaran metalinguistik dan prestasi murid, manakala kajian yang meneliti persepsi guru, khususnya guru Bahasa Melayu sekolah rendah, masih terhad. Tambahan pula, kajian tempatan


lebih banyak meneliti amalan pengajaran secara umum tanpa memfokuskan kesedaran metalinguistik sebagai konstruk khusus. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menjalankan mini kajian

yang meneliti bagaimana guru Bahasa Melayu sekolah rendah mentafsir kesedaran metalinguistik murid dan bagaimana persepsi tersebut mempengaruhi amalan pengajaran bahasa.

TEORI KOGNISI GURU

Kajian ini berpaksikan Teori Kognisi Guru, yang menegaskan bahawa pengetahuan, kepercayaan, kefahaman dan persepsi guru memainkan peranan penting dalam membentuk keputusan pedagogi serta amalan pengajaran di bilik darjah. Borg menyatakan bahawa apa yang guru fikir, tahu dan percaya tentang bahasa serta pembelajaran bahasa

akan mempengaruhi cara mereka merancang, melaksanakan dan menilai pengajaran (Borg, 2003, 2006). Dalam konteks pengajaran bahasa, kognisi guru bukan sahaja mempengaruhi pemilihan strategi PdP, malah menentukan sama ada pengajaran bersifat mekanikal atau mendorong pemikiran reflektif murid.



RAJAH 1: Kerangka teori kajian

Teori ini amat bersesuaian dengan objektif kajian kerana Objektif 1 dan Objektif 2 memfokuskan kepada kefahaman dan persepsi guru terhadap konsep serta kepentingan kesedaran metalinguistik, yang merupakan komponen utama kognisi guru. Seterusnya, Objektif 3 meneliti implikasi kognisi tersebut terhadap amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Dengan kata lain, teori kognisi guru membolehkan kajian ini menjelaskan bagaimana kefahaman dan persepsi guru tentang kesedaran metalinguistik diterjemahkan ke dalam bentuk PdP, sama ada melalui penekanan terhadap pembetulan kesalahan

semata-mata atau melalui aktiviti yang menggalakkan refleksi dan justifikasi bahasa dalam kalangan murid.

Secara keseluruhan, penggabungan konsep kesedaran metalinguistik dan Teori Kognisi Guru dalam kerangka teori kajian ini membolehkan dapatan ditafsir secara holistik, iaitu dengan menghubungkan kefahaman dan persepsi guru dengan implikasi pedagogi yang berlaku dalam pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Kerangka teori ini seterusnya digunakan sebagai panduan utama dalam pembinaan instrumen, analisis data dan perbincangan dapatan kajian.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk tinjauan kecil (*small-scale qualitative inquiry*). Pendekatan kualitatif dipilih kerana objektif kajian adalah untuk meneroka kefahaman, persepsi dan rasional pedagogi guru terhadap kesedaran metalinguistik murid, iaitu konstruk yang bersifat interpretif dan kontekstual,

bukan untuk menguji hubungan pemboleh ubah secara kuantitatif. Kajian kualitatif membolehkan penyelidik memahami makna yang diberikan oleh peserta terhadap sesuatu konsep, serta bagaimana makna tersebut mempengaruhi tindakan mereka dalam konteks bilik darjah (Creswell & Poth, 2018).

Peserta Kajian

Peserta kajian terdiri daripada enam orang guru Bahasa Melayu sekolah rendah Tahap 2 (Tahun 4 hingga Tahun 6). Pemilihan peserta dibuat menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) supaya peserta memenuhi kriteria pengalaman yang relevan dengan fokus kajian. Kriteria pemilihan peserta ialah mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah, mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya tiga tahun serta terlibat secara aktif

dalam pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Pemilihan guru Tahap 2 adalah bersesuaian kerana murid pada tahap ini lazimnya berhadapan dengan tuntutan bahasa yang lebih kompleks, termasuk penggunaan imbuhan yang lebih produktif serta struktur ayat yang lebih pelbagai. Keadaan ini menjadikan isu kesedaran metalinguistik khususnya aspek morfologi dan sintaksis lebih jelas untuk diperhatikan melalui pengalaman pengajaran guru (Sun et al., 2020).

Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini ialah temu bual separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur dipilih kerana kaedah ini memberi fleksibiliti kepada penyelidik untuk meneroka jawapan peserta dengan lebih mendalam, di samping memastikan perbualan kekal sejajar dengan objektif kajian (Merriam & Tisdell, 2015/2016). Panduan temu bual dibina berdasarkan tiga fokus utama yang

selaras dengan objektif kajian, iaitu kefahaman guru terhadap konsep kesedaran metalinguistik murid, persepsi guru terhadap kepentingan kesedaran metalinguistik dalam pembelajaran Bahasa Melayu serta implikasi persepsi guru terhadap amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah.

Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilaksanakan secara berperingkat. Penyelidik terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis peserta. Peserta dimaklumkan bahawa penglibatan adalah sukarela, mereka boleh menarik diri pada bila-bila masa,

dan identiti akan dirahsiakan melalui penggunaan kod peserta (G1 hingga G6). Temu bual dijalankan sama ada secara bersemuka atau dalam talian mengikut kesesuaian peserta. Setiap sesi temu bual dan dirakam dengan keizinan peserta bagi

memastikan ketepatan data. Rakaman temu bual kemudiannya ditranskripsikan sepenuhnya. Transkripsi disemak secara rawak dengan rakaman

audio untuk mengurangkan ralat transkripsi serta meningkatkan ketelitian data (Creswell & Poth, 2018).

Kaedah Analisis Data

Data temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik. Analisis tematik sesuai kerana ia membolehkan penyelidik mengenal pasti corak tema dalam data kualitatif secara sistematik dan telus (Braun & Clarke, 2006). Dalam kajian ini, analisis dilakukan melalui langkah-langkah berikut:

1. Familiarisasi data: membaca transkrip secara berulang untuk memahami keseluruhan data dan membuat nota awal;
2. Pengekodan awal: menanda segmen data yang berkaitan dengan fokus kajian

(kefahaman konsep, kepentingan, dan implikasi amalan pengajaran);

3. Pembentukan tema: mengelompokkan kod kepada tema utama dan subtema yang konsisten merentas peserta;
4. Semakan dan pemurnian tema: menilai kesesuaian tema, menggabung atau memecahkan tema jika perlu;
5. Pendefinisian tema: menulis takrif operasi tema dan memilih petikan yang paling representatif untuk menyokong dapatan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Bagi meningkatkan kredibiliti dan ketekalan dapatan, kajian ini menggunakan beberapa strategi kebolehpercayaan. Pertama, semakan peserta (member checking) dijalankan dengan mengemukakan ringkasan tema awal kepada peserta bagi memastikan tafsiran penyelidik menepati maksud sebenar mereka (Merriam & Tisdell, 2015/2016). Kedua, penyelidik

mengekalkan jejak audit (audit trail) yang merangkumi transkrip, senarai kod, memo analisis, serta keputusan pemurnian tema bagi memastikan proses analisis telus dan sistematik. Ketiga, penyelidik mengamalkan reflektiviti dengan merekod nota refleksi ringkas berkaitan andaian awal dan pertimbangan semasa analisis bagi mengurangkan bias tafsiran.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Peserta Kajian

Seramai enam guru Bahasa Melayu sekolah rendah dijadikan peserta kajian. Kesemua peserta kajian ini diberikan koding, iaitu PK1 hingga PK6. Jadual 1 memaparkan demografi peserta kajian.

JADUAL 1: Demografi peserta kajian

Kod Peserta Kajian	Jantina	Umur (Anggaran)	Pengalaman Mengajar (Tahun)	Tahap / Tahun Mengajar	Kelulusan Akademik	Opsyen / Pengkhususan
PK1	Perempuan	30–34	7	Tahun 5	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	Bahasa Melayu
PK2	Lelaki	35–39	12	Tahun 6	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	Bahasa Melayu
PK3	Perempuan	25–29	4	Tahun 4	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	Bahasa Melayu
PK4	Perempuan	40–44	18	Tahun 6	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	Bahasa Melayu
PK5	Lelaki	30–34	8	Tahun 5	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	Bahasa Melayu
PK6	Perempuan	45–49	22	Tahun 4	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan	Bahasa Melayu

Kefahaman Guru terhadap Konsep Kesedaran Metalinguistik Murid

Jadual 2 merumuskan kefahaman guru terhadap konsep kesedaran metalinguistik murid. Secara umum, guru mentafsir kesedaran metalinguistik melalui indikator yang bersifat praktikal dan mudah dinilai, iaitu keupayaan murid menghasilkan ayat yang betul, menggunakan imbuhan dengan tepat serta melakukan pembetulan sendiri.

Bagi G1, kefahaman terhadap kesedaran metalinguistik digambarkan melalui kebolehan murid membetulkan ayat sendiri tanpa bantuan guru: *“kalau murid boleh betulkan ayat sendiri tanpa saya tunjuk, saya anggap dia memang faham bahasa itu”*. G3 pula mengaitkan kesedaran metalinguistik dengan penguasaan imbuhan, iaitu *“murid tahu guna imbuhan yang betul”*. Sementara itu, G4 menilai kesedaran

metalinguistik melalui pembinaan ayat yang gramatis dan kurang kesalahan: *“kalau murid boleh bina ayat tanpa banyak kesalahan, itu tanda dia dah kuasai bahasa”*.

Menariknya, bagi guru seperti G2 dan G6, kefahaman terhadap kesedaran metalinguistik dilihat melalui pertimbangan realiti PdP, khususnya kekangan masa dan silibus, yang menjadikan aktiviti refleksi sukar dilaksanakan secara konsisten. Dapatan ini menunjukkan bahawa kefahaman guru terhadap konsep kesedaran metalinguistik lebih dominan pada dimensi ketepatan/pembetulan, manakala dimensi reflektif yang memerlukan murid menghuraikan rasional bahasa tidak menjadi teras kefahaman guru.

JADUAL 2: Kefahaman guru terhadap konsep kesedaran metalinguistik murid

Peserta Kajian	Petikan Contoh (1 Ayat)	Kod	Tema
PK1	“kalau murid boleh betulkan ayat sendiri tanpa saya tunjuk, saya anggap dia memang faham bahasa itu”	K1: Pembetulan sendiri	Ketepatan & pembetulan
PK2	“jarang minta murid jelaskan sebab ayat salah, sebab masa PdP memang terhad”	K2: Kefahaman dipengaruhi masa	Kekangan pelaksanaan PdP
PK3	“kesedaran bahasa bagi saya bila murid tahu guna imbuhan yang betul”	K3: Imbuhan tepat	Indikator produk bahasa
PK4	“kalau murid boleh bina ayat tanpa banyak kesalahan, itu tanda dia dah kuasai bahasa”	K4: Ayat gramatis	Ketepatan & pembetulan
PK5	“tahap murid berbeza-beza, jadi susah nak suruh semua berfikir sampai ke tahap jelaskan sebab”	K5: Tahap murid berbeza	Kekangan pelaksanaan PdP
PK6	“selalunya kita kejar silibus... ambil masa”	K6: Silibus & masa	Kekangan pelaksanaan PdP

Persepsi Guru terhadap Kepentingan Kesedaran Metalinguistik dalam Pembelajaran Bahasa Melayu

Jadual 3 memaparkan persepsi guru terhadap kepentingan kesedaran metalinguistik dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Secara keseluruhan, semua guru mengakui kesedaran metalinguistik penting, namun kepentingan tersebut lebih ditafsir sebagai mekanisme untuk mengurangkan kesalahan bahasa dan meningkatkan ketepatan penulisan murid. Sebagai contoh, G5 menyatakan *“saya rasa penting murid faham bahasa”*, tetapi menegaskan pelaksanaannya sukar kerana tahap murid yang berbeza-beza: *“susah nak suruh semua berfikir sampai ke tahap jelaskan sebab”*. Persepsi ini menunjukkan bahawa kepentingan kesedaran

metalinguistik diakui, tetapi dianggap bersyarat kepada kemampuan murid dan situasi bilik darjah.

Selain itu, terdapat juga kesedaran dalam kalangan guru bahawa ketepatan penggunaan bahasa tidak semestinya menunjukkan kefahaman reflektif. Hal ini dizahirkan oleh G3 yang menyatakan bahawa murid boleh betul, namun sukar menerangkan sebab penggunaan bentuk bahasa: *“kadang-kadang dia betul, tapi bila tanya kenapa, mereka tak pandai terangkan”*. Dapatan ini memberi isyarat bahawa guru menyedari wujud jurang antara *“betul”* dan *“faham sebab”*, namun dimensi reflektif tersebut sering tidak menjadi fokus dominan dalam PdP harian.

JADUAL 3: Persepsi guru terhadap kepentingan kesedaran metalinguistik dalam pembelajaran Bahasa Melayu

Peserta Kajian	Petikan Contoh (1 Ayat)	Kod	Tema
PK1	“kalau murid boleh betulkan ayat sendiri...”	K7: Penting untuk sendiri	Kepentingan bersyarat
PK2	“jarang minta murid jelaskan sebab... masa PdP memang terhad”	K8: Penting tetapi masa terhad	Kepentingan bersyarat
PK3	“dia betul, tapi bila tanya kenapa... tak pandai terangkan”	K9: Jurang betul–justifikasi	Refleksi/justifikasi terhad
PK4	“kalau suruh jelaskan jadi makin keliru”	K10: Bersyarat tahap murid	Kepentingan bersyarat
PK5	“penting... tapi susah nak suruh semua... jelaskan sebab”	K11: Penting tetapi sukar	Kepentingan bersyarat
PK6	“kejar silibus... ambil masa”	K12: Bersyarat silibus	Kepentingan bersyarat

Implikasi Persepsi Guru terhadap Amalan Pengajaran Bahasa Melayu di Bilik Darjah

Jadual 4 menunjukkan implikasi persepsi guru terhadap amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah. Secara umum, guru cenderung melaksanakan PdP yang menekankan pembedaan dan ketepatan kerana kekangan masa dan tuntutan silibus, manakala aktiviti refleksi bahasa seperti meminta murid memberikan justifikasi linguistik kurang dilaksanakan secara konsisten. G2 mengakui bahawa beliau jarang meminta murid menjelaskan sebab ayat salah disebabkan masa PdP yang terhad. Selari dengan itu, G6 menegaskan bahawa tekanan silibus menyebabkan aktiviti refleksi mengambil masa dan sukar dijalankan: “selalunya kita kejar silibus. Nak suruh murid fikir kenapa ayat itu salah memang ambil masa”. Hal ini menunjukkan bahawa persepsi

terhadap kekangan PdP mendorong guru memilih pendekatan yang lebih cepat seperti pembedaan langsung.

Kekangan masa dan silibus, tahap murid yang heterogen turut membentuk keputusan pedagogi guru. G4 menyatakan bahawa meminta murid menjelaskan justifikasi boleh mengelirukan murid yang belum stabil: “kalau murid sendiri belum stabil, kalau suruh jelaskan jadi makin keliru”. Begitu juga G1 menyatakan murid lemah cenderung hanya mengikut contoh dan takut salah: “murid lemah biasanya dia ikut saja... dia takut salah”. Dapatan ini menunjukkan bahawa persepsi guru terhadap kemampuan murid mempengaruhi sejauh mana aktiviti reflektif dapat diterapkan dalam PdP.

JADUAL 4: Implikasi persepsi guru terhadap amalan pengajaran Bahasa Melayu di bilik darjah

Peserta Kajian	Petikan Contoh (1 Ayat)	Kod	Tema
PK1	“murid lemah... ikut saja... takut salah”	K13: Murid lemah takut salah	Kekangan pelaksanaan PdP
PK2	“jarang minta murid jelaskan sebab... masa PdP terhad”	K14: Masa → kurang justifikasi	Kekangan pelaksanaan PdP
PK3	“dia betul... tapi tak pandai terangkan”	K15: Ketepatan tanpa refleksi	Refleksi/justifikasi terhad
PK4	“suruh jelaskan jadi makin keliru”	K16: Elak refleksi untuk murid lemah	Kekangan pelaksanaan PdP
PK5	“susah nak suruh semua... jelaskan sebab”	K17: Refleksi terhad	Kepentingan bersyarat
PK6	“kejar silibus... ambil masa”	K18: Silibus & masa	Kekangan pelaksanaan PdP

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dapatan mini kajian berdasarkan tema utama yang dikenal pasti melalui analisis tematik terhadap temu bual enam orang guru Bahasa Melayu Tahap 2. Perbincangan disusun mengikut tema dapatan dan dikaitkan

dengan kerangka teori kajian, iaitu Teori Kognisi Guru dan konstruk Kesedaran Metalinguistik. Dalam kerangka Teori Kognisi Guru, pengetahuan, kepercayaan dan kefahaman guru terhadap sesuatu konsep pedagogi memberi kesan langsung

terhadap keputusan serta amalan pengajaran di bilik darjah (Borg, 2003, 2006). Oleh itu, tema dapatan dalam kajian ini bukan sekadar menggambarkan persepsi guru, tetapi turut

memperlihatkan bagaimana persepsi tersebut terbentuk dan bagaimana ia diterjemahkan dalam pelaksanaan PdP Bahasa Melayu.

Tema 1: Kesedaran Metalinguistik Ditafsir sebagai Ketepatan Bahasa dan Pembetulan

Tema utama yang dominan ialah guru mentafsir kesedaran metalinguistik murid melalui lensa ketepatan bahasa, khususnya kebolehan murid membetulkan kesalahan ayat, menggunakan imbuhan dengan tepat dan menghasilkan struktur ayat yang gramatis. Tafsiran ini menunjukkan bahawa kesedaran metalinguistik dalam konteks PdP Bahasa Melayu sekolah rendah sering disamakan dengan “penguasaan bahasa” yang boleh diperhatikan melalui hasil penulisan murid.

Dari satu sudut, penekanan terhadap ketepatan ini adalah rasional kerana tatabahasa dan imbuhan merupakan komponen asas dalam pembelajaran Bahasa Melayu dan sering menjadi ukuran prestasi murid dalam tugas penulisan serta latihan. Namun, dari perspektif teori, kesedaran metalinguistik bukan hanya berkaitan ketepatan, tetapi juga melibatkan keupayaan memahami bahasa sebagai sistem yang boleh difikir dan dinilai secara sedar, termasuk kemampuan menjelaskan sebab atau peraturan

yang mendasari sesuatu pembetulan (Sun et al., 2020). Oleh itu, dapatan kajian ini mencadangkan bahawa pemahaman guru masih berfokus pada dimensi “produk” bahasa, manakala dimensi “proses” yang lebih reflektif belum menjadi teras kefahaman.

Penemuan dapatan kajian ini selaras dengan Teori Kognisi Guru yang menegaskan bahawa kefahaman guru terbina melalui pengalaman bilik darjah dan keperluan praktikal pengajaran. Guru cenderung mentafsir konsep abstrak seperti kesedaran metalinguistik mengikut indikator yang boleh dilihat secara langsung dan mudah dinilai, terutama apabila guru berdepan kekangan masa dan tuntutan kurikulum (Borg, 2003). Hal ini menjelaskan mengapa guru memberi keutamaan kepada ketepatan dan pembetulan, kerana keduanya memberikan hasil yang lebih pantas dan lebih mudah diurus dalam konteks kelas yang heterogen.

Tema 2: Indikator Metalinguistik Berorientasikan Produk (Imbuhan, Struktur Ayat, dan Pembetulan Kendiri)

Tema kedua menunjukkan bahawa indikator kesedaran metalinguistik yang digunakan guru lebih berorientasikan produk akhir seperti imbuhan yang betul, struktur ayat yang lengkap, dan pembetulan sendiri. Hal ini memperlihatkan bahawa guru mengukur kesedaran metalinguistik melalui aspek morfologi dan sintaksis yang bersifat nyata. Dari sudut literatur, komponen metalinguistik seperti kesedaran morfologi dan sintaksis sememangnya berkait rapat dengan perkembangan literasi dan kefahaman bacaan kanak-kanak (Sun et al., 2020). Meta-analisis terkini juga menunjukkan bahawa kesedaran morfologi mempunyai hubungan yang konsisten dengan kefahaman bacaan murid, menandakan bahawa pengetahuan tentang struktur kata dan imbuhan bukan sekadar membantu tatabahasa,

tetapi turut menyumbang kepada pemprosesan teks serta pemahaman makna (Liu et al., 2024).

Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa indikator yang digunakan guru masih lebih menilai “betul” atau “salah”, berbanding menilai keupayaan murid menjustifikasikan bentuk bahasa. Dengan kata lain, indikator yang diamalkan lebih menilai “*output*”, bukan “*kesedaran reflektif*”. Hal ini berpotensi menyebabkan kesedaran metalinguistik murid berkembang secara separa, iaitu murid mungkin tahu bentuk yang betul tetapi tidak memahami prinsip yang mendasari penggunaan bentuk tersebut. Keadaan ini penting kerana pembelajaran yang berasaskan peniruan semata-mata mungkin sukar dipindahkan apabila murid berhadapan konteks bahasa yang baharu atau struktur ayat yang lebih kompleks.

Tema 3: Justifikasi Linguistik dan Refleksi Bahasa Kurang Diberi Penekanan

Tema ketiga yang ketara ialah refleksi bahasa dan justifikasi linguistik kurang diberi penekanan, walaupun guru mengakui murid sering tidak mampu menjelaskan sebab pembetulan dibuat.

Jurang ini menunjukkan bahawa ketepatan linguistik boleh dicapai tanpa semestinya membina kefahaman reflektif. Dapatan seperti ini penting kerana literatur metalinguistik menekankan

bahawa kesedaran metalinguistik yang matang bukan sekadar ketepatan, tetapi kebolehan mengawal bahasa secara sedar melalui pemahaman struktur dan penjelasan rasional penggunaan bahasa (Sun et al., Hu & Curdt-Christiansen, 2020). Jika refleksi linguistik jarang dilakukan, murid mungkin kekal pada tahap pembelajaran prosedural, contohnya menghafal imbuhan atau struktur ayat tertentu, tanpa keupayaan memantau penggunaan bahasa secara sendiri apabila konteks berubah.

Dari perspektif Teori Kognisi Guru, pengabaian unsur justifikasi ini bukan bermaksud

guru menolak kepentingannya, tetapi berkait dengan pertimbangan pedagogi yang lebih praktikal. Borg menegaskan bahawa guru membuat keputusan berdasarkan apa yang mereka percaya boleh dilaksanakan secara realistik dalam kelas, termasuk mengurangkan risiko murid keliru atau hilang fokus (Borg, 2006).

Oleh itu, dapatan ini menunjukkan bahawa meskipun refleksi bahasa merupakan aspek penting bagi pembinaan kesedaran metalinguistik, ia masih memerlukan sokongan strategi pedagogi yang lebih sesuai dengan realiti pengajaran.

Tema 4: Kesedaran Metalinguistik Dianggap Penting tetapi Bersyarat

Tema seterusnya menunjukkan bahawa guru mengakui kesedaran metalinguistik penting, namun kepentingannya bersifat bersyarat dan sering bergantung pada tahap murid serta kekangan konteks bilik darjah. Guru melihat kesedaran metalinguistik penting untuk membantu murid menulis dengan lebih betul dan mengurangkan kesalahan, tetapi pelaksanaan aktiviti refleksi yang memerlukan murid menjelaskan "*mengapa*" dianggap sukar dilaksana untuk semua murid. Dalam kerangka Teori Kognisi Guru, situasi ini menggambarkan bagaimana kepercayaan guru tentang kebolehan

murid dan keperluan memenuhi tuntutan kurikulum membentuk pandangan mereka tentang sesuatu pendekatan pengajaran (Borg, 2003). Kepentingan yang "*bersyarat*" ini membawa implikasi bahawa kesedaran metalinguistik mungkin hanya dipupuk secara tidak formal atau berlaku secara incidental, bergantung pada ruang masa dan kesediaan murid. Hal ini berpotensi menjadikan kesedaran metalinguistik tidak berkembang secara sistematik, sedangkan literatur menunjukkan bahawa kesedaran morfologi dan sintaksis yang stabil menyokong literasi murid secara lebih menyeluruh (Liu et al., 2024).

Tema 5: Kekangan Masa, Silibus dan Tahap Murid Membentuk Keputusan Pedagogi

Tema terakhir mengesahkan bahawa kekangan masa, tekanan silibus dan tahap murid yang heterogen merupakan faktor dominan yang membataskan usaha memupuk kesedaran metalinguistik secara reflektif. Kekangan ini mendorong guru memilih strategi PdP yang cepat seperti pembedahan langsung dan latih tubi, kerana pendekatan tersebut lebih mudah dikawal serta selari dengan tuntutan untuk menyiapkan silibus. Dalam Teori Kognisi Guru, ini merupakan contoh jelas bagaimana konteks institusi dan bilik darjah mempengaruhi amalan guru, iaitu guru memilih pendekatan yang dianggap paling efektif dan praktikal dalam situasi sebenar (Borg, 2006).

Pada masa yang sama, kekangan tahap murid turut mempengaruhi guru untuk mengehendkan aktiviti yang memerlukan justifikasi linguistik kerana bimbang murid lemah semakin keliru. Hal ini menimbulkan dilema pedagogi: jika refleksi bahasa tidak diberi ruang, murid sukar membina kesedaran metalinguistik yang mendalam; tetapi jika refleksi terlalu berat, murid lemah mungkin hilang keyakinan dan mengganggu kelancaran PdP. Oleh itu, dapatan ini menunjukkan keperluan pendekatan yang lebih seimbang, iaitu memasukkan unsur refleksi bahasa secara ringkas tetapi konsisten, agar murid dilatih membuat penjelasan mudah tanpa menambah beban masa yang signifikan.

Kesimpulan Perbincangan

Secara keseluruhan, perbincangan berdasarkan tema dapatan menunjukkan bahawa kesedaran metalinguistik dalam PdP Bahasa Melayu sekolah rendah ditafsir secara dominan sebagai ketepatan bahasa dan pembedahan kesalahan, manakala dimensi reflektif seperti justifikasi linguistik masih kurang ditekankan. Pola ini selaras dengan Teori

Kognisi Guru yang menjelaskan bahawa kefahaman dan kepercayaan guru terbentuk melalui pengalaman dan realiti bilik darjah, seterusnya mempengaruhi amalan PdP (Borg, 2003, 2006). Pada masa yang sama, literatur terkini menegaskan bahawa kesedaran morfologi dan sintaksis menyumbang kepada literasi dan

kefahaman bacaan murid, justeru pengukuhan dimensi reflektif perlu diberi perhatian untuk menyokong pembelajaran Bahasa Melayu yang lebih bermakna (Sun et al., 2020; Liu et al., 2024).

Dapatan kajian ini seterusnya memberi asas kepada cadangan pedagogi yang lebih praktikal dan sesuai dengan realiti bilik darjah, yang akan diuraikan dalam bahagian berikutnya.

IMPLIKASI KAJIAN

Kajian ini memberi implikasi kepada pembelajaran murid, pengajaran guru, pengurusan KPM dan pengurusan sekolah.

1. Murid: Implikasi dapatan kajian ini terhadap murid adalah bahawa murid mungkin membangunkan kecekapan bahasa yang bersifat prosedural, iaitu mampu menghasilkan bentuk yang betul melalui latihan dan pembetulan berulang, tetapi belum tentu mempunyai kesedaran reflektif yang membolehkan mereka memahami rasional linguistik serta memindahkan pengetahuan bahasa ke situasi baharu. Apabila murid tidak dilatih untuk menghuraikan sebab penggunaan imbuhan atau struktur ayat tertentu, murid cenderung bergantung pada hafalan dan peniruan, dan ini boleh mengehadkan perkembangan kemahiran literasi yang lebih tinggi seperti pemantauan sendiri terhadap bahasa dalam penulisan dan pemahaman bacaan. Dalam jangka panjang, kekurangan refleksi metalinguistik ini boleh menyebabkan murid menguasai tatabahasa secara terasing daripada pemahaman fungsi bahasa, sedangkan literatur menekankan bahawa kesedaran struktur bahasa membantu murid memahami teks dan menghasilkan bahasa secara lebih bermakna (Sun et al., 2020).
2. Guru: Bagi guru, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kefahaman tentang kesedaran metalinguistik masih tertumpu kepada aspek ketepatan dan pembetulan, dan ini mempengaruhi strategi PdP yang lebih menekankan pembetulan langsung serta latihan produk bahasa. Dalam konteks Teori Kognisi Guru, pola ini mencerminkan bagaimana guru membentuk kepercayaan pedagogi berdasarkan tekanan masa, silibus dan realiti bilik darjah (Borg, 2003, 2006). Walaupun strategi tersebut berkesan untuk meningkatkan ketepatan secara cepat, ia berpotensi mengurangkan ruang untuk aktiviti yang mendorong murid berfikir tentang bahasa secara sedar. Oleh itu, implikasi kepada guru bukan sekadar menambah beban tugas, tetapi menuntut sokongan praktikal untuk membantu guru

mengintegrasikan elemen reflektif secara realistik tanpa menjejaskan pelaksanaan kurikulum.

3. KPM: Bagi KPM dan pihak penggubal kurikulum, dapatan ini memberi isyarat bahawa penekanan kurikulum dan penilaian yang terlalu berorientasikan hasil (produk) boleh mendorong guru memfokuskan PdP pada ketepatan semata-mata. Jika objektif pembelajaran bahasa dalam kurikulum memberi ruang yang lebih jelas kepada kemahiran reflektif, misalnya keupayaan menjelaskan peraturan bahasa atau fungsi imbuhan, guru berkemungkinan lebih terdorong untuk memasukkan aktiviti tersebut dalam PdP. Dalam masa yang sama, latihan profesional guru juga perlu mengangkat konsep kesedaran metalinguistik sebagai komponen yang melibatkan ketepatan dan refleksi, agar pemahaman guru menjadi lebih menyeluruh. Penekanan ini penting kerana literatur antarabangsa menunjukkan bahawa kesedaran morfologi dan sintaksis memainkan peranan dalam literasi awal dan perkembangan kefahaman bacaan, maka aspek ini wajar disepadukan dalam pendidikan bahasa secara lebih strategik (Liu et al., 2024).
4. Sekolah: Dari sudut sistem sekolah dan amalan pentadbiran, kajian ini juga menunjukkan bahawa kekangan masa PdP dan tekanan menyelesaikan silibus merupakan faktor dominan yang mengekang guru daripada melaksanakan aktiviti refleksi bahasa. Hal ini membawa implikasi bahawa sebarang usaha menambah baik kesedaran metalinguistik murid tidak boleh ditumpukan kepada guru semata-mata, tetapi memerlukan penstrukturan semula sokongan sistemik seperti peruntukan masa yang lebih fleksibel, pengurangan tekanan kandungan yang terlalu padat, dan penyediaan bahan pengajaran yang memudahkan guru menjalankan aktiviti reflektif dalam tempoh singkat. Jika sistem tidak mengiktiraf masa sebagai faktor kritikal, aktiviti reflektif akan terus dianggap sebagai “tambahan” yang sukar dicapai walaupun guru mengakui kepentingannya.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa persepsi guru Bahasa Melayu Tahap 2 terhadap kesedaran metalinguistik murid lebih tertumpu kepada ketepatan bahasa dan pembetulan kesalahan. Guru cenderung menilai kesedaran metalinguistik melalui kebolehan murid menggunakan imbuhan dengan tepat, membina ayat gramatis dan melakukan pembetulan sendiri. Walaupun semua guru mengakui kesedaran metalinguistik penting, dimensi reflektif seperti keupayaan murid menjelaskan “*mengapa*” sesuatu bentuk bahasa digunakan atau dibetulkan kurang diberi penekanan dalam PdP harian. Kekangan utama yang mempengaruhi keadaan ini ialah masa PdP yang terhad, tuntutan silibus yang perlu diselesaikan, serta tahap murid yang heterogen.

Dapatan ini selari dengan literatur yang menunjukkan bahawa kesedaran metalinguistik, khususnya kesedaran morfologi dan sintaksis, mempunyai kaitan dengan literasi dan kefahaman bacaan murid sekolah rendah, sekali gus menandakan bahawa aspek metalinguistik yang

lebih reflektif wajar diperkukuhkan dalam PdP Bahasa Melayu (Sun et al., 2020; Liu et al., 2024).

Guru-guru Bahasa Melayu Tahap 2 mengiktiraf kesedaran metalinguistik sebagai aspek penting dalam pembelajaran bahasa, tetapi menafsirkannya secara dominan melalui ketepatan dan pembetulan. Kekangan masa, silibus dan perbezaan tahap murid membentuk keputusan pedagogi guru sehingga refleksi linguistik kurang diberi penekanan secara eksplisit.

Oleh itu, usaha memperkukuh kesedaran metalinguistik murid memerlukan pendekatan yang seimbang antara ketepatan dan refleksi, serta sokongan sistemik yang memudahkan guru mengintegrasikan elemen reflektif secara realistik dan konsisten dalam PdP Bahasa Melayu. Persepsi guru terhadap kesedaran metalinguistik murid lebih tertumpu kepada ketepatan bahasa dan pembetulan kesalahan, manakala dimensi reflektif seperti keupayaan murid menjelaskan “*mengapa*” sesuatu bentuk bahasa digunakan kurang diberi penekanan kerana kekangan masa, tuntutan silibus dan heterogeniti tahap murid.

PENGHARGAAN

Kajian dan penerbitan artikel ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran penyelidikan, tajaan atau bantuan kewangan.

RUJUKAN

- Amirah Azhar, Zamri Mahamod, ANur Syuhada Mat Husin & Noorfaraasikin Abdullah. 2023. Kekangan dan strategi guru Bahasa Melayu sekolah rendah dalam meningkatkan motivasi murid selepas pasca pandemik COVID-19. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 13(1): 73-88.
- Bryan, B.A. & Oliver, R. 2020. Teacher beliefs, language awareness, and classroom decision-making. *TESOL Quarterly* 54(4): 987-1015.
- Braun, V. & Clarke, V. 2021. One size fits all? What counts as quality practice in (reflexive) thematic analysis? *Qualitative Research in Psychology* 18(3): 328-352.
- Borg, S. 2003. Teacher cognition in language teaching: A review of research on what language teachers think, know, believe, and do. *Language Teaching* 36(2): 81-109.
- Borg, S. 2006. *Teacher Cognition and Language Education: Research and Practice*. London: Continuum.
- Cameron, J.E. & Jane, C.L. Wong. 2022. Metalinguistic awareness and literacy: Contemporary perspectives. *Reading and Writing: An Interdisciplinary Journal* 35: 1-22.
- Creswell, J.W. & Cheryl, N.P. 2021. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Approaches*. 5th Edition. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Fumeroa, Keisey & Sana Tibi. 2020. The importance of morphological awareness in bilingual language and literacy skills: Clinical implications for speech-language pathologists. *Language, Speech, and Hearing Services in Schools* 51: 572-588.
- Ke, Sihui, Ryan T. Miller, Dongbo Zhang & Keiko Koda. 2021. Crosslinguistic sharing of morphological awareness in biliteracy development: A systematic review and meta analysis of correlation coefficients. *Language Learning* 71(1): 8-54.
- Lantolf, J.P., Matthew, E.P. & Merrill, S. 2020. *The Routledge Handbook of Sociocultural Theory and Second Language Development*. London: Routledge.
- Liu, Yazhi, Groen, M.A. & Cain, K. 2024. The association between morphological awareness

- and reading comprehension in children: A systematic review and meta-analysis. *Educational Research Review* 42: 100571.
- Malinowski, David E. & James P. Lantolf. 2020. *Language, Education, and Vygotsky: Sociocultural Theory and Second Language Development*. London: Routledge.
- Merriam, S.B. & Tisdell, E.J. 2020. *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. Updated Edition. San Francisco: Jossey-Bass.
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman & Anida Sarudin. 2020. Pelaksanaan amalan terbaik pengajaran Bahasa Melayu dalam kalangan guru sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(1): 1-13.
- Nor Hadibah Hushaini, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan & Dyah Werdiningsih. 2020. Hubungan antara lokasi sekolah rendah dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah dengan amalan pengajaran mereka. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 10(2): 1-14.
- Roehr-Brackin, K.. 2025. Measuring children's metalinguistic awareness. *Language Teaching* 58: 27-43.
- Saito, Kazuya & Shannon Sauro. 2023. *The Routledge Handbook of Second Language Acquisition and Technology*. London: Routledge.
- Salimiah@Sazarinah Jamili & Zamri Mahamod. 2022. Perbezaan penerapan aktiviti Didik Hibursecara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 12(1): 40-49.
- Snow, C. & Neuman, S.B. 2021. *Handbook of Early Literacy Research*. Updated Edition. New York: Guilford Press.
- Spinks, T. & Colenbrander, D.. 2022. Teacher language awareness and classroom practice: A systematic review. *System* 108: 102828.
- Sun, Baoqi, Hu, Guangwei, & Curdt-Christiansen, Xiao Lan. 2020. Metalinguistic contribution to reading comprehension: A comparison of primary 3 students from China and Singapore. *Applied Psycholinguistics* 41(3): 657-684.
- Taylor, J.R. 2020. *Cognitive Grammar*. Oxford: Oxford University Press.
- Treffers-Daller, J.', Sorace, A. & Domínguez, L. 2021. *The Routledge Handbook of Second Language Acquisition and Individual Differences*. London: Routledge.
- Zheng, Haoyuan, Xuecong Miao, Yang Dong & Daniel-Chongbo Yuan. 2023. The relationship between grammatical knowledge and reading comprehension: A meta-analysis. *Frontiers in Psychology* 14: 1098568.